



MOHAMMAD Hanif Kassim (tengah) tidak dapat menahan rasa gembira apabila menerima skrol ijazah sambil diraikan oleh rakan-rakannya pada Majlis Konvokesyen Ke-14 UMS di Kota Kinabalu, semalam. Utusan/Azrul Edham Mohd. Aminuddin

Orang kurang upaya mesti yakin diri

UM 22.10.2012 27

KOTA KINABALU 21 Okt. - "Setiap orang ada kelebihan dan keistimewaan yang Allah anugerahkan, jangan terlalu merendahkan diri," jelas Mohammad Hanif Kassim, 22, graduan golongan kurang upaya (OKU) ketika ditemui dalam Majlis Konvokesyen Ke-14 Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Dewan Canselor UMS di sini hari ini.

Mohammad Hanif memperolehi Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 2.95 dalam program Pengurusan Sistem dan Rangkaian, Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat.

Dia merupakan seorang daripada 1,150 graduan yang menerima ijazah dalam majlis graduasi UMS yang disampaikan Pro Canselor, Tan Sri Yeoh Tiong Lay.

"Saya mahu menjadi pembangun laman web. Sekarang, saya sedang

berusaha dalam rekaan laman web kerana memang berminat dalam bidang komputer. Saya tidak mahu hanya kerana saya OKU cita-cita saya terhalang.

"Insya-Allah, selepas ini, saya merancang melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana dalam bidang sama. Mana tahu boleh jadi tutor atau pensyarah pula," katanya ketika ditemui dalam majlis graduasi UMS di sini.

Mohammad Hanif ditemani kedua ibu bapanya, iaitu Kassim Wahab, Sapturiah Salamah dan abang serta dua adiknya di majlis tersebut.

Menurutnya, sepanjang mengikuti pengajian di UMS, dia tidak pernah berdepan isu diskriminasi atau pandangan negatif akibat kekurangan diri.

Sebaliknya, jelas Mohammad Ha-

nif yang berasal dari Sandakan, UMS sendiri banyak membantu menyediakan kemudahan khas untuk golongan OKU seperti van.

Katanya, golongan OKU perlu yakin berdepan cabaran dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) merupakan tempat terbaik membuktikan keupayaan mereka.

Sementara itu, ibu Mohammad Hanif, Sapturiah berkata, dia bersyukur dan berbangga dengan kejayaan anaknya itu.

"Sebagai ibu, saya sangat bimbang bila Hanif diterima masuk ke UMS kerana keadaannya. Bapanya sakit selama seminggu gara-gara risaukan Hanif kerana sejak kecil kami tidak pernah berjauhan.

"Alhamdulillah, akhirnya dia berjaya juga. Para pensyarah dan kawan-kawan Hanif banyak membantunya selama ini," ujarnya.